

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

**SOALAN : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan sementara pihak Menteri
menggesa rakyat memulau pihak tertentu atas
kenaikan harga barang, mengapakah
Kementerian tidak bertindak untuk menggesa
atau mengarah pihak-pihak yang mempunyai
monopoli di atas barang keperluan utama
seperti beras dan gula untuk menurunkan
harga barangan-barangan utama ini.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah menggesa rakyat sebagai pengguna untuk memulau peniaga-peniaga yang masih enggan menurunkan harga barang-barang. Walau bagaimanapun, ianya terserah kepada setiap pengguna. Para pengguna di negara ini perlu menggunakan kuasa dan hak pengguna masing-masing bagi

mendorong peniaga-peniaga menurunkan harga-harga barang sejajar dengan penurunan harga minyak pada ketika itu. Beras dan gula adalah merupakan sebahagian daripada bahan keperluan utama pengguna. Ianya dijadikan kawalan melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana Kerajaan ingin mewujudkan kestabilan bekalan makanan di dalam negara. Di bawah Program Subsidi Harga Beras, Kerajaan membayar sebanyak RM750 bagi setiap tan metrik beras subsidi yang dikeluarkan. Bagi tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM528 juta bagi Program Subsidi Harga Beras. Program ini bertujuan untuk membolehkan golongan berpendapatan rendah mempunyai pilihan untuk membeli beras pada harga yang murah. Pada masa ini, gula tidak lagi diberikan subsidi setelah Kerajaan memutuskan untuk menarik balik pemberian subsidi gula semasa Pembentangan Bajet 2014. Walau bagaimanapun, jika dikaji, Malaysia mempunyai harga runcit gula yang kedua terendah di kalangan Negara ASEAN selepas Negara Thailand yang merupakan antara negara pengeluar gula terbesar.